



KERAJAAN MALAYSIA

Peraturan Perolehan Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negeri

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK2.15	Peraturan Perolehan Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negeri	1
1.	Peraturan Perolehan Yang Perlu Diikuti	1
2.	Kuasa Untuk Menimbang dan Menyujuterima.....	1
3.	Tarikh Kuatkuasa	3

PK2.15 Peraturan Perolehan Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negeri

1. Peraturan Perolehan Yang Perlu Diikuti

1.1. Pihak Yang Memanggil Tender/ Sebut Harga/ Pesanan Tempatan

- (i) Semua perolehan hendaklah diuruskan sendiri oleh Agensi berkenaan dengan perbincangan dan perundingan bersama-sama sama ada Duta Besar/ Pesuruhjaya Tinggi/ Kuasa Usaha/Konsul Jeneral/ Konsul (Ketua Perwakilan) terlebih dahulu.
- (ii) Di mana Agensi memerlukan perkhidmatan perunding, pelantikan perunding di negara berkenaan hendaklah dibuat oleh Ketua Perwakilan berdasarkan kadar bayaran di negara tersebut. Perunding yang dilantik hendaklah berdaftar dengan pihak berkuasa di negara yang berkenaan.

2. Kuasa Untuk Menimbang dan Menyujuterima

2.1. Lembaga Perolehan

- (i) Lembaga Perolehan hendaklah terdiri dari sekurang-kurangnya tiga (3) orang dan di pengurusikan oleh Ketua Perwakilan.
- (ii) Ahli-ahli Lembaga Perolehan yang lain hendaklah dilantik oleh Ketua Perwakilan dan pelantikan ini hendaklah diwartakan selaras dengan peruntukan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 192.
- (iii) Kuorum bagi Lembaga Perolehan hendaklah seramai tiga (3) orang.

2.2. Had Nilai Setuju Terima Tender

- (i) Lembaga Perolehan di peringkat Perwakilan ini adalah diberi kuasa menimbang serta menyetujui terima semua tender sehingga RM7 juta sahaja. Walau bagaimanapun, bagi tender-tender yang mempunyai aspek teknikal hendaklah dirujuk dan mendapat persetujuan daripada Ibu Pejabat (Kementerian Luar Negeri) terlebih dahulu.
- (ii) Semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Perolehan adalah muktamad dengan syarat keputusan yang dibuat adalah secara

sebulat suara. Jika keputusan tidak dibuat secara sebulat suara, satu laporan lengkap hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Luar Negeri untuk keputusan seterusnya.

- (iii) Bagi tender-tender yang bernilai melebihi RM7 juta, ianya hendaklah dikemukakan ke Kementerian Kewangan setelah ditimbang dan dibuat perakuan terlebih dahulu oleh Lembaga Perolehan melalui Kementerian Luar Negeri.
- (iv) Nilai RM7 juta yang dimaksudkan di sini adalah nilai yang dikira berasaskan kadar pertukaran mata wang pada tarikh tender ditutup.
- (v) Bagi perolehan secara sebut harga dan pesanan tempatan kuasa adalah terletak kepada Ketua Jabatan/ Agensi masing-masing selaras dengan peraturan di dalam Arahan Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

2.3. Kuasa Untuk Menandatangani Kontrak

- (i) Semua kontrak hendaklah ditandatangani oleh Ketua Perwakilan bagi negara yang berkenaan.

2.4. Kuasa Untuk Meluluskan Arahan Perubahan (Variation Order) Bagi Kontrak Kerja

- (i) Sebelum arahan perubahan diluluskan, Ketua Perwakilan hendaklah memastikan bahawa perubahan-perubahan yang dibuat adalah benar-benar diperlukan dan ada peruntukan yang mencukupi bagi menampung tambahan tersebut.
- (ii) Pihak berkuasa bagi meluluskan perubahan tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa
1.	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM7 juta dan perubahan terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 30%, ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM7 juta tetapi perubahan terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM2 juta.	Ketua Perwakilan di negara yang berkenaan atau mana-mana pegawai yang tidak rendah dari Gred 48 atau yang setaraf dengannya yang di beri kuasa secara bertulis oleh Ketua Perwakilan.
2.	Dalam hal lain.	Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

2.5. Peraturan-Peraturan Lain

- (i) Bagi perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan, peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa hendaklah diguna pakai.

3. Tarikh Kuatkuasa

- 3.1 Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai **29 November 2022**.